

amul / pas. 23/2/2011

Tu. Saiful

JK/MP 16/2

23

Februari 2011

Semua Pengarah Mahkamah Negeri

Semua Hakim Mahkamah Sesyen

Semua Majistret

Seluruh Malaysia

Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### CUTI KECEMASAN

Dengan segala hormatnya saya diarah oleh YAA Ketua Hakim Negara untuk merujuk kepada perkara di atas.

2. YAA Ketua Hakim Negara telah mengarahkan mana-mana pegawai kehakiman yang bercuti kecemasan hendaklah memaklumkan **SEGERA** kepada Pengarah Mahkamah Negeri. Pengarah pula hendaklah mengambil langkah proaktif dengan menghantar pegawai pengganti untuk menjalankan kes di mahkamah-mahkamah tersebut.

3. Pegawai pengganti bolehlah diambil daripada kalangan Penolong Kanan Pendaftar ataupun Timbalan Pendaftar bergantung kepada keperluan Mahkamah tersebut. Sehubungan dengan itu, Pengarah juga dikehendaki memaklumkan kepada pejabat ini


nama-nama Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi di setiap negeri untuk digazetkan sebagai Hakim Mahkamah Sesyen.

4. Amalan ini hendaklah dilaksanakan di semua negeri secara berterusan sehingga arahan sebaliknya dikeluarkan. Kegagalan pihak Y. Bhg Dato' / Datin / Tuan / Puan mematuhi arahan ini dan menyebabkan kes ditangguh di saat-saat akhir, tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Sekian, harap maklum.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' HASHIM BIN HAMZAH)**  
Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

☎ +603 8880 3782

☎ +603 8880 3886

✉ [cr@kehakiman.gov.my](mailto:cr@kehakiman.gov.my)

✉ [hashimh@kehakiman.gov.my](mailto:hashimh@kehakiman.gov.my)

s.k

YAA Ketua Hakim Negara

YAA Hakim Besar Malaya

Timbalan Ketua Pendaftar

Pendaftar Mahkamah Rayuan

Pendaftar Mahkamah Tinggi